

# Modal CHOGM \$39 j akan dapat balik melalui iklan - PM

KUALA LUMPUR 2 Nov. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata malam ini Malaysia akan menerima balik \$39 juta modal yang dikeluarkannya untuk Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) menerusi iklan-iklan 'percuma' mengenai Malaysia yang ditayangkan di kaca te-

levisyen di seluruh dunia.

Sambil memuji kesabaran semua petugas yang menjayakan CHOGM, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "kejayaan kita meletakkan Malaysia di peta dunia adalah kerana kesanggupan setiap rakyat Malaysia berkorban dan mengambal berat akan peranan

masing-masing sepanjang CHOGM ini."

Menurut beliau, sebagai Perdana Menteri yang mempengerusikan CHOGM, tidak ada perasaan lain yang dapat digambarkannya melainkan keinginan untuk mengucapkan syabas dan ribuan terima kasih kepada setiap rakyat Malaysia yang terlibat secara

langsung dan tidak langsung dalam CHOGM.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika berucap di majlis makan malam sebagai penghargaan kepada usaha menjayakan CHOGM di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Beliau berkata, jika hendak mengiklankan Malaysia di kaca televisyen Jepun dan Britain, \$39 juta yang diperuntukkan untuk CHOGM itu tidak akan mencukupi.

"Tetapi saya yakin kita akan mendapat balik modal \$39 juta yang kita belanjakan untuk CHOGM menerusi iklan-iklan percuma yang ditayangkan bukan sahaja oleh negara-negara anggota Komanwel tetapi seluruh dunia," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir.